

IMPLEMENTASI DAKWAH TERHADAP ETNIK SUNGAI DI SABAH: SATU ANALISIS AWAL

IMPLEMENTATION OF DA'WAH ON RIVER ETHNICITY IN SABAH: AN INITIAL ANALYSIS

Saifulazry Mokhtar^{1*}

Irma Wani Othman^{2*}

Romzi Ationg³

Mohd Sohaimi Esa⁴

^{1*}Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mel: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my)

^{2*}Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mel: irma @ums.edu.my)

³Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mel: mrationg@ums.edu.my)

⁴Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mel: msohaimi@ums.edu.my)

*Corresponding Author

Article history

Received date : 01-07-2021

Revised date : 16-08-2021

Accepted date : 30-09-2021

Published date : 31-10-2021

To cite this document:

Mokhtar, S., Othman, I. W., Ationg, R., & Esa, M. S. (2021). Implementasi Dakwah Terhadap Etnik Sungai Di Sabah: Satu Analisis Awal. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(40), 164 - 178.

Abstrak: *Kepelbagaian etnik di Malaysia menunjukkan munculnya aneka adat dan budaya yang berbeza dalam kalangan masyarakat. Setiap etnik mempunyai adat dan ritual tersendiri dalam kehidupan mereka sama ada ia sejajar dengan kehendak Islam ataupun sebaliknya. Sebagai seorang pendakwah, kita seharusnya menggunakan implementasi dakwah yang penuh berhikmah agar seruan Islam yang dibawa mendapat tempat di hati mereka. Salah satu dari indikator kejayaan aktiviti dakwah adalah dengan mempunyai pengetahuan awal berkaitan landskap kehidupan mereka termasuklah etnik Sungai. Walaupun jumlah populasi mereka tidaklah seramai etnik yang lain, namun tanggungjawab menyeru mereka kepada Islam tidak boleh disisihkan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat landskap kehidupan etnik Sungai, reaksi etnik Sungai terhadap ajaran Islam, faktor-faktor etnik Sungai memeluk Islam dan implementasi dakwah yang sesuai dilaksanakan terhadap etnik Sungai di Sabah. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan merujuk kajian lepas berkaitan dengan etnik Sungai serta menjalankan temu bual semi sturktur terhadap sembilan individu yang berbangsa Sungai sebagai pendokong kepada fakta yang diperolehi. Dapatan kajian mendapati kaedah mendekati etnik Sungai dengan penuh hikmah seperti mendalami landskap kehidupan seharian mereka, mujadalah, dakwah bil lisan dan dakwah ^cAm merupakan implementasi dakwah yang berkesan. Kaedah pendekatan dakwah yang sesuai dapat menarik minat etnik Sungai untuk mendalami agama Islam dengan lebih mendalam.*

Kata Kunci: *Implementasi Dakwah, Dakwah, Etnik Sungai, Sabah*

Abstract: *The diversity of ethnic groups in Malaysia shows the emergence of different customs and cultures among the community. Each ethnic has its own customs and rituals in their lives whether it is in line with the Islamic will or otherwise. As preachers, we should use the implementation of da'wah that is full of wisdom so that the call of Islam to be brought will have a place in their hearts. One of the indicators of the success of da'wah activities is having early knowledge on their landscape of life including the river ethnicity. Although their population is not as many as the other ethnic groups, the responsibility of calling them to Islam cannot be set aside. Therefore, this study aims to look at the landscape of River ethnic life, river ethnic reaction to the teachings of Islam, the ethnic factors of Rivers converting to Islam and the appropriate implementation of da'wah implemented against the river ethnics in Sabah. This study used qualitative methods by referring to past studies related to river ethnicity as well as conducting semi-structure interviews on nine individuals of River origin as supporters of the facts obtained. The findings showed that approaching the river ethnics with wisdom such as deepening the landscape of their daily lives, mujadalah, da'wah bil Lisan and da'wah 'Am is an effective da'wah implementation. The appropriate method of da'wah approach can attract the river ethnic interest to delve deeper into Islam.*

Keywords: *Implementation of Da'wah, Da'wah, Ethnic Rivers, Sabah*

Pendahuluan

Implementasi dakwah adalah satu tuntutan kepada umat Islam bagi memastikan Islam terus tersebar luas segenap pelosok dunia. Pelaksanaan dakwah ini tidak hanya tertumpu kepada satu-satu kaedah sahaja, bahkan ia boleh diaplikasikan mengikut kitaran dan perubahan zaman dan kepintaran pendakwah dalam memilih medium yang sesuai. Dengan kepesatan dan kecanggihan teknologi kini, kebanyakan pendakwah mengambil langkah untuk menjalankan dakwah menggunakan teknologi massa. Walaupun penggunaan teknologi massa ini dilihat menyeluruh, namun tahap keberkesanannya adalah rendah bagi mereka-mereka yang tidak mempunyai kemudahan untuk mengakses maklumat tersebut. Rangkaian telekomunikasi ini tidak dapat diakses secara menyeluruh oleh mereka yang tinggal di kawasan pedalaman, pulau dan jauh dari pusat bandar. Kekangan ekonomi juga turut menjadi faktor kepada tiadanya gajet dan peranti dalam mengakses bahan-bahan keagamaan untuk merungkai permasalahan agama yang timbul dalam kehidupan mereka.

Kejayaan para pendakwah terdahulu dalam menyebarkan risalah Islam adalah kerana mereka dapat menghayati dan memahami keadaan realiti masyarakat yang mereka dakwah. Dengan cara turut serta dalam kehidupan mereka di dunia nyata, masyarakat lebih mudah terkesan dan menerima apa yang dibawa oleh pendakwah tersebut. Dewasa ini, tidak dinafikan bahawa ada sesetengah organisasi dan individu yang masih menjalankan implementasi dakwah terhadap mereka-mereka yang masih kabur dengan konsep beragama seperti golongan Orang Asli dan mereka-mereka yang masih menganut agama animisme. Namun, adakah golongan ini mengetahui landskap kehidupan golongan *mad'u* terlebih dahulu sebelum mereka terjun ke bidang dakwah? Walaupun hal ini dilihat perkara biasa tetapi sebenarnya ia adalah satu indikator besar yang mampu meragut kepercayaan masyarakat sehingga mereka dapat merubah tahap kepercayaan mereka kepada agama yang sebenarnya.

Landskap kehidupan etnik Sungai di Sabah tidak jauh bezanya dengan etnik-etnik lain. Malahan, ada sesetengah adat dan ritual dalam kehidupan mereka telah bercampur aduk dengan etnik yang ada. Percampuran ini disebabkan oleh pergaulan mereka dalam masyarakat yang tidak mengira kaum serta berlakunya perkahwinan campur dalam kalangan mereka. Berdasarkan kepada temu bual yang dijalankan, rata-rata etnik Sungai di Sabah tidak lagi berpegang 100% kepada ajaran nenek moyang mereka hari ini (Thia, K., 2021) dan (Tong, J. T., 2021). Kepercayaan etnik Sungai lebih menjurus kepada agama yang mereka anuti sama ada Islam ataupun Kristian. Bagi mereka yang menganut agama Islam, kebanyakan adat dan ritual dalam landskap kehidupan mereka berteraskan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Walau bagaimanapun, ada sesetengah bagi etnik Sungai yang menjangkau umur 50 tahun ke atas masih kuat berpegang dengan adat dan ritual nenek moyang mereka terdahulu (Amit, J., 2021). Oleh hal demikian, penulis berpendapat kajian ini perlu dilaksanakan bagi melahirkan pendakwah yang mampu dijadikan sebagai contoh dan sumber rujukan oleh masyarakat akan datang serta melancarkan aktiviti dakwah yang akan dilaksanakan.

Tinjauan Literatur

Sebelum mengupas hasil kajian yang dijalankan, penulis terlebih dahulu melihat kajian lepas yang berkaitan dengan *Implementasi Dakwah terhadap Etnik Sungai di Sabah*. Dalam menyorot tinjauan literatur, penulis mendapati banyak kajian berkaitan dengan implementasi dakwah terhadap skop yang berbeza. Kajian yang dijalankan oleh Mokhtar, S. et. all (2021a) adalah bertujuan untuk menganalisis prospek dan cabaran implementasi dakwah menerusi media kontemporari. Kajian beliau mendapati terdapat pelbagai prospek dan cabaran yang perlu dihadapi oleh pendakwah masa kini dalam menyampaikan dakwah seperti meningkatkan ilmu dan kemahiran dalam teknologi maklumat, menyekat kemunculan pendakwah segera serta menepis maklumat palsu yang melibatkan isu-isu agama. Sebagai seorang pendakwah, tanggungjawab memastikan kesedaran implementasi dakwah terhadap tuntutan hukum perlu dipatuhi (Ilham, 2019). Pelaksanaan dakwah yang dijalankan perlulah selaras dan sejajar dengan ketetapan undang-undang agar aktiviti dakwah yang dijalankan dapat menerobos hati masyarakat serta menunaikan hak dan tanggungjawab sebagai seorang Muslim.

Implementasi dakwah juga dapat diterjemahkan dalam pelbagai bentuk termasuklah menerusi seni muzik dan penulisan karya. Menurut Lesmana, et. all., (2015), implementasi dakwah Islam melalui seni muzik nasyid memberikan impak yang positif kepada masyarakat. Hasil kajian beliau menunjukkan pelaksanaan dakwah oleh syarikat EdCoustic adalah baik kerana konsep dakwahnya yang jelas serta dakwahnya memberikan impak positif kepada para pendengar. Manakala menerusi penulisan sajak, Mokhtar, S., et. all. (2021b) pula melihat hubungan antara bahasa, nilai dan struktur dalam bait-bait sajak '*Ke Makam Bonda*' karya Usman Awang dengan unsur-unsur dakwah. Hasil dapatan beliau mendapati penggunaan bahasa, penerapan nilai serta penyusunan struktur yang sistematik meninggalkan kesan nasihat dan mesej dakwah yang sangat berguna kepada pendengar. Bagi melihat rekayasa dakwah dalam kalangan mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEDP) dari sudut penerimaan dakwah dan keselesaan mereka dalam menerima teguran dan nasihat, satu kajian telah dijalankan oleh Mokhtar, S., et. all. (2021c). Hasil kajian beliau mendapati majoriti mahasiswa sangat bersetuju dengan pendekatan dan rekayasa dakwah yang diaplikasikan oleh pensyarah dalam kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang berunsurkan dakwah membolehkan mahasiswa dapat menerima ilmu dengan mudah dan santai serta meninggalkan kesan positif dalam kehidupan mereka sekaligus

menjadi satu penanda aras dalam pelaksanaan dakwah pada era globalisasi kini khususnya terhadap golongan mahasiswa.

Literatur berkaitan pelaksanaan dakwah di Sabah turut dijalankan bagi melihat bentuk-bentuk dakwah yang dijalankan oleh para sarjana. Dalam kajian Hajimin, et. all. (2021) bertajuk *Gerakan Dakwah dan Impaknya terhadap Peningkatan Komposisi Muslim di Sabah* adalah bertujuan untuk mengkaji proses dakwah dan impaknya terhadap perubahan komposisi Muslim di negeri Sabah. Hasil kajian beliau mendapati usaha dakwah yang dilakukan di Sabah merupakan antara faktor utama kepada perubahan komposisi Muslim di Sabah berdasarkan kepada gerakan dakwah yang dilaksanakan oleh Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA). Pendekatan Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) terhadap Banduan di Penjara Sandakan turut dijalankan oleh Mokhtar, Thia & Ramlie (2019). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pendekatan pelaksanaan dakwah JHEAINS di Penjara Sandakan. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa pendekatan dakwah yang digunakan oleh pihak JHEAINS dan Penjara Sandakan untuk mendidik dan mentarbiah banduan adalah menerusi beberapa kaedah iaitu *Da'wah bi al-Nafs*, *Da'wah Fardiyyah*, *Da'wah bi al-Hāl* dan *Da'wah al-Ām*.

Selain itu, kajian berkaitan dakwah Islam di Sabah turut dijalankan oleh Mohad, Mansur & Mokhtar (2016). Kajian ini membincangkan berkaitan dengan peranan yang dimainkan oleh agensi-agensi kerajaan agama Islam, seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam aktiviti dakwah. Hasil kajian beliau mendapati agensi-agensi kerajaan agama Islam perlu mewujudkan program-program pemantapan akidah yang berterusan agar saudara-saudara baharu Muslim atau *mualaf* mempelajari ilmu agama Islam ini dengan lebih mendalam serta bertanggungjawab melaksanakan usaha-usaha dakwah yang bersifat terbuka. Menerusi kajian Borhan (2015), beliau membincangkan mengenai faktor-faktor tarikan dalam dakwah yang dilaksanakan oleh pendakwah bebas Mohd Fadli Yusof terhadap masyarakat non-Muslim di Sabah. Hasil kajian beliau menunjukkan terdapat lima faktor tarikan dakwah yang digunakan oleh Mohd Fadli Yusof iaitu faktor tarikan *quwwah*, *qudwah*, kelainan, berulang-ulang dan keprihatinan. Berdasarkan kepada hasil dari sorotan kajian yang dijalankan, pengkhususan dakwah terhadap etnik Sungai di Sabah belum pernah dijalankan dan ia sangat relevan untuk diketengahkan dalam kajian ini.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk dokumen khususnya menerusi artikel-artikel jurnal, buku-buku dan akhbar yang berkaitan dengan pendekatan dakwah serta etnik Sungai di Sabah. Selain itu, penulis turut menggunakan kaedah temu bual semi struktur terhadap sembilan orang responden yang berbangsa Sungai di Sandakan. Hasil temu bual tersebut akan di proses melalui analisis induktif dan diletakkan sebagai pengukuh kepada fakta sedia ada. Dapatan kajian ini disorot bagi memudahkan para pendakwah merealisasikan tuntutan dakwah serta memastikan implementasi dakwah yang dijalankan tidak sia-sia.

Landskap Kehidupan Etnik Sungai di Sabah

Etnik Sungai merupakan salah satu daripada 35 etnik yang ada di negeri Sabah. Taburan penempatan masyarakat Sungai di negeri Sabah adalah di sekitar Pantai Timur Sabah. Menurut Hussin, Sansalu & Shah (2012), etnik Sungai atau suku kaum Sungai telah dikenalpasti pada tahun 1881, iaitu ketika Sir William yang merupakan residen pertama daerah Sandakan

melakukan ekspedisi menyusuri Sungai Kinabatangan sehingga ke Kampung Labuk. Ketika itu beliau dan rombongannya telah menemui sebuah masyarakat yang tinggal di tebing-tebing sungai melihat gaya hidup masyarakat tersebut yang bergantung dengan sumber air di sungai dan beliau pun menggelarkan masyarakat tersebut sebagai “*The River People*”, namun ketika pemerintahan *The Britain North Borneo Company* gelaran tersebut telah ditukar kepada *Orang Sungai*.

Menurut pendapat Whelan F.G, pada asalnya *Etnik Sungai* ini merupakan suku kaum Dusun namun dipercayai mereka telah berhijrah ke tebing-tebing Sungai daripada penghijrahan tersebut mereka telah mengasingkan diri mereka daripada masyarakat Dusun (Hussin, Sansalu & Shah, 2012). Tidak lama kemudian mereka pun mula menyesuaikan diri dengan cara hidup mereka yang menetap di tepi-tepi sungai dan menjalankan kegiatan ekonomi seperti bercucuk tanam di tebing-tebing sungai sehingga akhirnya mereka menjadi sebuah masyarakat yang bertamadun dan mempunyai identiti tersendiri. Hasil pengasingan daripada masyarakat Dusun menyebabkan berlakunya perubahan dari segi bahasa dan budaya dalam masyarakat etnik Sungai. Pendapat Whelan F.G dikukuhkan lagi dengan beberapa bukti yang menunjukkan bahawa etnik Sungai merupakan suku kaum dari Kadazan-Dusun iaitu dengan adanya beberapa persamaan dan perkongsian dari segi adat dan budaya serta bahasa antara kedua etnik tersebut.

Masyarakat Sungai juga telah berkembang secara meluas ke seluruh pelosok negeri Sabah sehingga akhirnya sungai-sungai utama di negeri Sabah iaitu sungai Labuk, sungai Paitan, sungai Segama, sungai Sugut, sungai Bengkoka dan sungai Kinabatangan telah menjadi kawasan penempatan masyarakat etnik Sungai. Oleh kerana kawasan penempatan mereka yang berdekatan dengan sumber air sungai, kegiatan etnik Sungai tertumpu kepada bercucuk tanam di kawasan lembangan sungai, kegiatan bercucuk tanam sangat berkembang pesat dalam masyarakat Sungai dan ia menjadi faktor yang mendorong etnik Sungai untuk bertapak di kawasan perairan kerana kawasan petempatan mereka tersebut subur serta mendapat sumber air yang mencukupi untuk membekalkan air ke kawasan pertanian mereka (Amit, S., 2021).

Jika dilihat pada hari ini masyarakat Sungai berkembang di beberapa daerah di negeri Sabah iaitu di daerah Kinabatangan, Sandakan, Pitas, Kota Marudu, Beluran, Tongod dan beberapa daerah yang lain. Perkembangan tersebut juga menyebabkan terjadinya pecahan suku dalam bangsa Sungai itu sendiri iaitu ia menyebabkan terjadinya perbezaan loghat atau dialek dalam pertuturan mereka. Logat mereka berbeza-beza mengikut daerah masing-masing. Suku kaum Sungai juga terbahagi kepada beberapa bahagian kecil iaitu suku Idahan, Segama, Pengarah, Tombonuo, Subpan, Puawang, Begak, Tambangan, Makiang dan Inekeng. Pembahagian etnik tersebut merupakan perkara yang menarik dalam suku kaum Sungai. Hal ini kerana ia jarang didapati dalam suku etnik yang lain dan walaupun terdapat pembahagian dalam etnik Sungai, mereka sangat menerima kepelbagaian tersebut dan mereka juga mengamalkan semangat kekeluargaan.

Seterusnya dari aspek keagamaan etnik Sungai pula, terdapat tiga bentuk agama yang menjadi anutan dan kepercayaan mereka iaitu Islam, Kristian dan Animisme ataupun Pagan. Majoriti suku kaum Sungai adalah menganut agama Islam dan penganut-penganut agama Islam dalam suku kaum Sungai merupakan golongan yang telah berkahwin campur dengan peniaga-peniaga berbangsa Suluk. Penganut agama Islam yang berbangsa Sungai masih menerima dan mengamalkan pengaruh-pengaruh dan adat resam daripada nenek moyang mereka yang telah diturunkan secara turun-menurun (JKKN Sabah, 2004). Walau bagaimanapun, mereka hanya

mengamalkan dan mempraktikkan adat resam dan budaya yang tidak bertentangan dengan ajaran agama Islam sahaja. Manakala bagi yang menganut agama Kristian pula, mereka masih menerima dan mengamalkan adat resam dan juga budaya turun-temurun serta tidak mengamalkan amalan-amalan adat resam yang bercanggah dengan ajaran agama mereka. Bagi yang mengamalkan sistem kepercayaan Animisme atau Pagan pula merupakan golongan minoriti dalam etnik Sungai dan mereka mengamalkan adat resam dan budaya yang mereka warisi secara turun-temurun sepenuhnya (Zakaria, 2021).

Dalam aspek adat dan budaya, etnik Sungai mengamalkan pelbagai adat dan budaya dalam kehidupan mereka. Sebagai contohnya, dalam adat perkahwinan etnik Sungai masih mengamalkan beberapa adat istiadat perkahwinan yang lazimnya sebatian dengan amalan kehidupan mereka. Adat istiadat pertama yang perlu mereka patuhi adalah adat *jarum-menjarum* atau lebih dikenali sebagai adat merisik (Tong, N. T., 2021). Dalam melaksanakan adat *jarum-menjarum* ini, pihak lelaki akan melantik seseorang untuk menjadi wakil dirinya untuk bertandang ke rumah gadis yang hendak dirisik. Pada kebiasaannya, wakil tersebut terdiri daripada mereka yang berpengalaman dalam adat Sungai dari kaum kerabat terdekat. Tujuan merisik ialah untuk mengetahui status gadis yang dirisik sama ada belum mempunyai ataupun sudah mempunyai. Sekiranya si gadis tersebut belum mempunyai, pihak wakil lelaki akan memaklumkan kepada keluarga si gadis untuk bertandang sekali lagi ke rumah si gadis bagi meminang pada tarikh yang akan ditetapkan.

Selepas adat *jarum-menjarum* dilaksanakan, etnik Sungai akan meneruskan adat *menawo* atau dikenali sebagai adat meminang. Dalam melaksanakan adat ini, kedua-dua pihak iaitu pihak dari sebelah lelaki dan perempuan akan menghantar beberapa wakil masing-masing sama ada saudara mara atau sesiapa sahaja wakilnya bagi membuat perundingan mengenai majlis akad nikah dan perkahwinan yang akan dilangsungkan. Pada kelazimannya, wakil-wakil tersebut mestilah berpengalaman dalam adat istiadat perkahwinan dan mahir dalam berunding. Sebelum memulakan majlis peminangan, etnik Sungai biasanya akan melakukan adat *pengawang basaro* atau dikenali sebagai pembuka mulut (Hassan, 2021). Adat ini perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum memulakan majlis kerana ia menjadi indikator kepada pihak lelaki sebagai sebuah keluarga yang mempunyai nilai sopan-santun dan budi pekerti. Setelah itu, penyerahan belanja duduk juga akan diberikan kepada tuan rumah di mana majlis peminangan diadakan sebagai tanda menghormati tuan rumah.

Seterusnya adalah adat *mengossur* atau dikenali sebagai adat hantaran. Setelah mendapat kata sepakat dalam perundingan iaitu dalam penetapan jumlah hantaran dan mas kahwin, wakil dari pihak lelaki akan menyediakan sebarang cincin kepada pihak perempuan bertujuan untuk dipakaikan di jari gadis yang dipinang sebagai tanda pinangan tersebut diterima. Setelah mendapat kata sepakat berkaitan tarikh yang sesuai untuk majlis perkahwinan tersebut, pihak lelaki akan menghantar dan menyerahkan kelengkapan mengikut adat istiadat etnik Sungai kepada pihak perempuan dan jumlah hantaran hendaklah sama sepertimana yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Manakala, pihak perempuan pula membalas hantaran tersebut dengan menghadiahkan hiasan kraftangan sebagai tanda terima kasih daripada pihak perempuan (Tong, N.T., 2021). Selain itu, pihak perempuan juga perlu membalas kembali hantaran yang diberikan oleh pihak lelaki dalam bilangan yang ganjil. Semasa majlis hantaran ini dijalankan, tarikh majlis pernikahan akan dibincangkan oleh kedua-dua pihak. Adat hantaran yang ada dalam etnik Sungai di Sabah ini sebenarnya tidak jauh bezanya dengan adat perkahwinan yang ada dalam masyarakat Melayu (Amit, S., 2021).

Setelah itu, majlis malam berinai akan dijalankan dan dikenali sebagai *Gabbpie Tullau* dalam etnik Sungai. Dalam majlis ini, pengantin lelaki akan memberikan satu set kelengkapan untuk berinai pada malam sebelum majlis pernikahan (*Nagnikah*) ini dilakukan di rumah pengantin masing-masing dan hanya dihadiri oleh kaum kerabat terdekat sahaja. Bagi suku kaum Sungai yang beragama Islam, mereka akan mengadakan majlis cukur jambul, berzanji, marhaban dan khatam al-Quran bagi memohon keberkatan majlis pernikahan yang akan dilangsungkan (Zakaria, 2021). Pada malam tersebut juga kedua-dua pengantin digalakkan untuk berjaga di sepanjang malam bagi mengelakkan pengantin didatangi mimpi buruk pada malam tersebut. Setelah selesai malam berinai, majlis akad nikah akan dilangsungkan. Majlis tersebut dilakukan di rumah pengantin perempuan dan pengantin perempuan akan meminta *okab lawang* atau membuka pintu kepada kepada pengantin lelaki. Kemudian, majlis bernikah akan diikuti dengan bacaan doa kesyukuran. Setelah habis bacaan doa kesyukuran kedua-dua pengantin akan bersalam-salaman dengan semua tetamu yang menghadiri majlis pernikahan mereka. Sebelum membawa pengantin perempuan masuk ke bilik untuk melakukan pembatalan wuduk pengantin lelaki akan melakukan adat membuka pintu ataupun *pengawang lambat-ambat* dan bilangannya ditentukan oleh pengiring pengantin perempuan.

Selain daripada adat istiadat tersebut, suku kaum etnik Sungai juga mengamalkan dan mempercayai beberapa pantang larang untuk membentuk disiplin sosial dalam kalangan etnik Sungai. Antara pantang larang yang mereka amalkan ialah bagi wanita yang mengandung ia dilarang untuk menjahit seperti menampal kain kerana menurut kepercayaan mereka amalan tersebut akan menyebabkan tembuni akan bertambah banyak, wanita yang mengandung juga tidak boleh berjalan atau keluar daripada rumah ketika hujan dan ribut serta pada waktu malam kerana dipercayai pada waktu-waktu tersebut makhluk halus seperti jin dan syaitan berkeliaran dan ia akan mendatangkan kemudaratan kepada wanita yang mengandung dan anak yang dikandungnya (Tong, N.T., 2021). Suku kaum Sungai juga mempercayai apabila wanita melanggar pantang larang tersebut, dia akan mendapat musibah seperti keguguran atau bersalin lebih awal. Seterusnya, terdapat juga larangan bersiul di siang hari dalam masyarakat etnik Sungai kerana ia dipercayai akan memanggil semangat jahat seperti syaitan dan jin serta perbuatan tersebut dipercayai merupakan permainan syaitan. Selain itu Etnik Sungai juga dilarang untuk bermain siku-menyiku kerana etnik Sungai mempercayai amalan tersebut boleh mengakibatkan seseorang itu pendek umur (Zakaria, 2021).

Dalam aspek kesenian pula, etnik Sungai juga turut memiliki seni tarian tersendiri. Antara seni tarian suku kaum etnik Sungai ialah tarian *Titikas*. Tarian *titikas* merupakan satu bentuk tarian tradisional etnik Sungai yang terkenal di daerah Kinabatangan, Sandakan. Tarian *titikas* kebiasannya dipersembahkan dalam majlis-majlis rasmi seperti menyambut ketibaan tetamu kehormat dan ditarikan semasa majlis perayaan atau keramaian. Manakala, dari segi gerakan tariannya pula, tangan dan kaki penari-penari tarian tersebut digerakkan sama seperti gerakan tangan dan kaki semasa bermain permainan *ingki-ingki*. Alat muzik yang digunakan untuk mengiringi tarian tersebut pula adalah gabang, kantung dan juga gong. Selain itu, terdapat juga tarian *Runsai* yang dipercayai muncul sejak awal tahun 1930-an (Tong, A.T., 2021). Tambahan beliau lagi, tarian *Runsai* tersebut digunakan sebagai wadah untuk mencari jodoh ketika upacara *menawo* sehinggalah majlis *mengossur*. Tarian *Runsai* ini juga tidak menggunakan sebarang jenis alat muzik semasa persembahannya. Muzik hanya dihasilkan dari suara mereka yang berbalas pantun dan semasa mereka menghentak kaki ketika menari berpusing sambil memimpin tangan antara satu sama lain dalam satu bulatan.

Menerusi aspek seni bina pula, masyarakat Sungai mampu menghasilkan struktur binaan rumah daripada sumber kayu-kayan yang kukuh serta unik. Dinding rumah tradisional etnik Sungai juga akan dihias dengan pelbagai jenis ukiran mengikut kreativiti mereka. Selain itu, etnik Sungai turut terkenal dengan penghasilan seni kraftangan yang terdiri daripada pelbagai motif. Antara hasil-hasil kraftangan masyarakat Sungai ialah tikar mengkuang, tudung saji, tenunan yang rapi serta halus pada baju tradisional dan juga bantal (Amit,A.N., 2021). Secara kesimpulannya, masyarakat Sungai merupakan suku kaum yang unik dan memiliki identitinya yang tersendiri. Budaya dan adat resam yang mereka amalkan telah membentuk dan mempengaruhi gaya hidup mereka. Walaupun mereka memiliki adat resam secara turun-temurun daripada nenek moyang mereka, ia tidak mengekang generasi baharu etnik Sungai untuk mengalami proses perubahan ke arah kemodenan. Arus kemodenan ini juga telah menyebabkan generasi baharu meninggalkan amalan-amalan ataupun adat resam peninggalan nenek moyang mereka. Namun, ia juga tidak menghalang generasi baharu untuk mengamalkan amalan-amalan ataupun adat resam peninggalan nenek moyang mereka yang relevan untuk diamalkan serta tidak bercanggah dengan ajaran agama yang mereka anuti.

Reaksi Etnik Sungai Terhadap Ajaran Agama Islam

Penerimaan terhadap suatu perubahan dalam kehidupan boleh dianggap mempunyai tahap kesukaran yang tinggi, lebih-lebih lagi apabila kita tidak biasa dengan rutin baharu yang perlu kita ikuti. Begitu juga halnya dengan etnik Sungai yang telah menerima kedatangan Islam ke dalam kehidupan mereka. Terdapat beberapa sikap etnik Sungai yang masih menjadi tanda tanya dan pertikaian antara pendebat dan pengkaji. Berdasarkan kajian, etnik Sungai pada mulanya dianggap sambil lewa dan tidak mengambil serius terhadap ajaran Islam seperti mana yang telah diajarkan kepada mereka. Walaupun mereka sudah memeluk agama Islam dan menjalankan ajaran yang ditunjukkan, namun mereka masih mengekalkan ajaran nenek moyang mereka sehingga ke hari ini (Thia, K., 2021).

Sebenarnya, adat mengekalkan tradisi turun temurun dari nenek moyang ini bukan sahaja terjadi pada kaum Sungai tetapi juga berlaku kepada semua kaum di negara kita yang memeluk Islam. Pada awal penyebaran dakwah Islamiah, hanya beberapa kelompok dan kawasan sahaja etnik Sungai yang sudi menerima Islam manakala yang lainnya beragama Kristian dan juga Pagan (Bandan, 2006). Kemudian setelah dakwah Islamiah ini semakin luas tersebar, penganut agama Islam daripada etnik Sungai juga bertambah khususnya melalui metode popular iaitu melalui perkahwinan campur. Melalui perkahwinan campur tersebut yang pada mulanya dimulakan oleh peniaga Suluk kemudian diikuti oleh kaum Sungai lainnya sehingga menunjukkan perkembangan positif pertumbuhan dan penerimaan agama Islam pada ketika itu.

Terdapat beberapa faktor mengapa Islam pada mulanya sukar diadaptasi oleh kaum Sungai ke dalam kehidupan mereka. Antaranya ialah kaum Sungai cenderung untuk berpegang teguh pada ajaran nenek moyang mereka terutama dalam hal-hal berkaitan adat resam dan kepercayaan turun temurun nenek moyang. Kepercayaan yang mereka warisi dilihat lebih kental bersifat fahaman Animisme. Menurut Kamus Dewan (2015), animisme bermaksud kepercayaan bahawa setiap benda seperti batu, kayu, angin dan sebagainya mempunyai semangat (roh). Kepercayaan terhadap animisme ini adalah berkonsepkan halus atau roh yang diamalkan oleh manusia pada zaman primitif purba. Mereka mempunyai semangat seperti jin, mambang, roh, datuk, tuan, dan penunggu (Bandan, 2006). Kepercayaan inilah yang sukar sekali ditinggalkan oleh etnik Sungai disebabkan kepercayaan ini sudah ada sejak mereka azali lagi dalam sistem keberlangsungan kehidupan mereka.

Selain itu, etnik Sungai juga dikatakan cenderung menyukai kehidupan yang bebas berbanding mengikuti ajaran Islam yang dianggap mempunyai peraturan dan pantang larang yang menyekat mereka daripada melakukan apa yang mereka kerap lakukan dalam kehidupan seharian sebelumnya (Thia, J.T., 2021). Menurut Islam, kegiatan-kegiatan seperti tahyul, syirik, menyeksa binatang, judi, makan khinzir, minum minuman memabukkan dan sebagainya diharamkan di dalam Islam lebih-lebih lagi apabila ia memudaratkan persekitaran dan peradaban manusia. Oleh itu, pantang larang yang dicegah oleh Islam ini kurang diminati oleh masyarakat Sungai yang sudah terbiasa dengan rutin kehidupan mereka dan ini menyebabkan perpecahan antara masyarakat yang ingin memeluk Islam dan juga masyarakat yang tidak berminat dengan dakwah Islamiah. Pantang larang ini jugalah yang akhirnya dijadikan alasan untuk mereka tidak memeluk Islam oleh kelompok-kelompok tertentu dalam etnik Sungai.

Menurut Hamzah (2001) menjelaskan bahawa kepercayaan agama yang dimiliki oleh sesebuah etnik merupakan suatu tenaga yang paling unggul untuk mencegah dan menentang segala unsur negatif yang menyerang emosi dan mental setiap golongan, termasuklah dalam etnik Sungai di Sabah. Begitulah halnya seperti yang diajarkan oleh Islam sendiri. Pantang larang yang diketengahkan oleh Islam sebenarnya merupakan satu dinding pelindung kepada jiwa jasmani dan rohani dalam sistem kehidupan manusia khususnya kepada semua penganutnya. Berdasarkan realiti kehidupan kini, pandangan masyarakat Sungai lebih terbuka berbanding generasi yang sebelumnya walaupun mereka berbeza agama. Namun, terdapat sesetengah daripada mereka yang masih mengekalkan adat resam dan kepercayaan nenek moyang mereka sehingga kini yang dipercayai mengalami pengubahsuaian mengikut perkembangan semasa dan juga fahaman kepercayaan mereka.

Nilai kepercayaan kepada agama merupakan suatu pegangan dan pedoman yang mempunyai peranan besar dalam mencorakkan kehidupan manusia terutamanya ajaran agama Islam. Menurut Kamus Dewan (2015), agama merupakan kepercayaan kepada tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan tuhan dan penerimaan ajaran dan perintah-Nya. Penerapan kehidupan beragama ini bukan hanya tertumpu mengikut golongan usia, latar belakang mahupun tahap pendidikan tetapi juga tanpa melihat bangsa seperti yang berlaku pada perkembangan dakwah Islamiah terhadap kaum Sungai di Sabah. Etnik Sungai dilihat berpotensi mendapat tindak balas yang positif terutama pada awal perkembangan dan penyebaran agama Islam ini. Walaupun pada mulanya terdapat beberapa kekangan dan halangan untuk pendakwah memperluaskan ajarannya disebabkan oleh kepercayaan awal etnik Sungai berserta adat resam adalah berbeza-beza. Malah sehingga kini pun, kaum Sungai tidak dapat dikatakan sebagai kaum yang mempunyai satu agama kerana mereka terbahagi kepada beberapa kumpulan berdasarkan kelompok dan kawasan tempat tinggal yang mana sudah pastinya memiliki agama yang berlainan (Thia, A. T., 2021).

Berfokus kepada etnik Sungai yang beragama Islam, walaupun mereka ini sudah menerima dan memeluk agama Islam tetapi mereka masih setia berpegang kuat kepada ajaran nenek moyang mereka disebabkan ia umpama satu kebiasaan bagi etnik Sungai yang sukar dipisahkan terutama kepercayaan yang berkaitan dengan ilmu ghaib atau ilmu hitam seperti mana yang kita biasa sedia maklum mengenai kaum ini (Amit, S., 2021). Ilmu sedemikian dianggap sebagai suatu gerakan kuasa yang paling kuat dalam penjaan keberlangsungan kehidupan mereka. Penyebaran dakwah Islamiah terhadap etnik Sungai ini dapat dilakukan secara berperingkat dan berfasa mengikut kesesuai keadaan dan penerimaan etnik Sungai. Pada peringkat awal penyebaran Islam dilakukan dengan kaedah pengenalan ilmu tauhid yang lebih fokus

memperkenalkan kewujudan Allah SWT yang satu. Ia secara tidak langsung telah membuka minda etnik Sungai keluar daripada kebiasaan kepercayaan mereka. Seterusnya pendakwah mula memasuki norma adat istiadat mereka yang mana perlu dibetulkan dan diperjelaskan terutama berkaitan adat resam yang masih kuat berpegang kepada ajaran nenek moyang mereka kemudian digantikan dengan kepercayaan wujudnya kuasa Allah SWT.

Namun, rutin kehidupan lama sudah mereka tinggalkan sedikit demi sedikit disebabkan fahaman agama Islam yang semakin kuat mempengaruhi mereka dari pelbagai aspek lebih-lebih lagi ajaran yang bercanggah dengan agama Islam. Sebagaimana yang kita lihat hari ini, kebanyakan mereka menganut agama Islam dan masih mengamalkan adat resam turun temurun daripada nenek moyang mereka cuma sahaja diubahsuai berdasarkan kesesuaian antara ajaran Islam dan adat kebiasaan kaum mereka yang dijalankan sejak dahulu kala lagi sebelum menerima Islam. Contohnya adat yang masih mempunyai pengaruh animisme dalam etnik Sungai adalah adat bersanding, adat melenggang perut, adat bertimbang dan adat mencukur rambut bayi (Bandan, 2006). Berdasarkan ajaran nenek moyang mereka, upacara melenggang perut ini adalah suatu kewajiban yang dilakukan oleh ibu mengandung dengan dibacakan mantera-mantera khas dari turun temurun. Tetapi setelah menerima Islam, upacara ini terus dilakukan tetapi bacaannya digantikan dengan bacaan ayat-ayat al-Quran serta meminta keberkatan daripada Allah SWT. Begitu juga dengan adat pemilihan jodoh yang dimulakan dengan istiadat *jarum-menjarum*, *menawo*, menghantar damak dalam adat istiadat etnik Sungai yang dilihat tidak jauh beza dengan kaum-kaum lain yang beragama Islam.

Dalam proses penerimaan dakwah Islamiah ini, percampuran keseimbangan antara adat dan agama yang dilakukan oleh etnik Sungai ini sebenarnya tidak menjadi masalah kepada mereka terutamanya dan juga pada pandangan masyarakat sekeliling (Tong, J.T., 2021). Hal ini disebabkan oleh sistem campur aduk ini juga berlaku pada kaum-kaum lain di seluruh Malaysia yang menganut agama Islam dan cuba menyesuaikan dengan adat ajaran asal mereka. Ia bergantung kepada penganut ajaran Islam itu sendiri dalam usaha memperbaiki diri dan kehidupan persekitarannya di samping terus beriman kepada Allah SWT. Peranan agama dalam kehidupan dinyatakan sebagai suatu kekuasaan yang tertinggi dalam hati dan jiwa seseorang serta memberikan kesan yang mendalam terhadap perasaan. Agama juga sangat bermakna dalam kewujudan manusia dengan pengukuhan matlamat dan sistem nilai berkaitan dengan semua aspek kehidupan manusia berdasarkan kepercayaan agama masing-masing. Kesimpulannya, apa yang paling penting ialah kesediaan atau kerelaan seseorang manusia terutamanya etnik Sungai untuk membuka hati menerima konsep 'hamba Allah' dengan seluruh jiwa raganya.

Faktor-Faktor Etnik Sungai di Sabah Memeluk Agama Islam

Sebagaimana yang kita maklum, sebelum Islam bertapak di bumi Sabah, kehidupan setiap etnik tidak mempunyai agama yang khusus. Mereka hanya mempunyai kepercayaan animisme iaitu yang mempercayai bahawa alam ini mempunyai semangat roh. Tidak ada bezanya dengan masyarakat Sungai yang pada asalnya menganuti agama Pagan. Walau bagaimanapun, ketika ini masyarakat Sungai di Sabah sudah banyak yang menganut agama Islam. Dalam kajian ini, penulis menemui beberapa faktor yang menjadi daya tarikan etnik Sungai kepada agama Islam seperti faktor keturunan, pendakwahan dan media sosial. Menurut Hussin, Sansalu & Shah (2012), etnik Sungai merupakan masyarakat yang pertama menerima Islam di Sabah iaitu bermula pada tahun 1408 Masihi. Hal ini disebabkan oleh terdapat aktiviti pengislaman dalam kalangan masyarakat etnik Sungai yang berketurunan Idahan di Lahad Datu. Aktiviti

pengislaman tersebut telah dilakukan di sebuah teluk yang bernama Darvel oleh auliah Arab yang bernama Makdum. Peristiwa ini dapat dilihat kepada penemuan sebuah manuskrip yang ditulis dalam tulisan jawi dengan menggunakan bahasa etnik Sungai oleh Ahmad bin Imam Panjang. Selain itu, faktor pemelukkan agama Islam dalam kalangan etnik Sungai juga adalah disebabkan oleh faktor keturunan. Majoriti masyarakat Sungai ini menjadi Islam kerana mereka memang telah dilahirkan sebagai etnik yang beragama Islam. Etnik Sungai ini mempunyai susun galur keluarga yang sudah lama menjadi Islam. Daripada keturunan inilah, maka secara automatiknya mereka telah menjadi penganut Islam dan pendekatan dakwah berlaku dalam kalangan ahli keluarga terdekat.

Faktor kemasukan etnik Sungai ke agama Islam seterusnya adalah melalui perkahwinan campur. Perkahwinan campur dalam etnik Sungai bukan sahaja melibatkan perkahwinan berbeza kaum, budaya dan warna kulit akan tetapi juga melibatkan perbezaan agama. Menurut Saringan (2007), perkahwinan campur dalam kalangan masyarakat etnik Sungai ini terjadi disebabkan oleh segelintir daripada mereka pergi ke luar bandar untuk mencari kerja di bandar. Secara tidak langsung, pendekatan Islam itu wujud apabila terdapat di antara mereka yang menemui pasangan etnik yang beragama Islam. Selain itu, terdapat juga perkahwinan campur disebabkan oleh penghijrahan seseorang dari luar kawasan Sabah ke penempatan etnik Sungai seperti anggota polis, tentera, guru, doktor dan sebagainya. Dengan penghijrahan tersebut, berlakunya komunikasi, muamalat serta tarikan kasih sayang antara mereka sehingga mereka memutuskan untuk disatukan dengan ikatan perkahwinan (Thia, K., 2021).

Media sosial juga menjadi salah satu faktor pendekatan dakwah kepada masyarakat etnik Sungai ini (Hassan, 2021). Hal ini dikatakan demikian kerana pada masa ini, begitu banyak video-video berkaitan agama Islam yang dimuat naik di media sosial. Dengan bertunjangkan video-video ini, etnik Sungai mudah untuk menonton di aplikasi *Facebook, Instagram, Youtube* dan sebagainya bagi mendapatkan pencerahan berkaitan hal keagamaan yang mereka inginkan. Bukan itu sahaja, melalui media sosial ini mereka dapat berkomunikasi secara efisien, serta bersoal jawab dengan mudah. Dengan itu, mereka lebih mudah untuk faham dan senang untuk menambah ilmu agama seperti yang dikehendaki oleh Allah SWT. Secara keseluruhannya, terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan masyarakat Sungai memeluk agama Islam di Sabah termasuklah menerusi implementasi dakwah yang sesuai dijalankan terhadap mereka.

Implementasi Dakwah Terhadap Etnik Sungai di Sabah

Kegiatan dakwah Islamiah ini adalah mengajak etnik lain untuk lebih mendekati diri kepada Allah SWT. Proses menyampaikan dakwah Islam ini perlu mempunyai ilmu yang dalam tentang Islam sebelum menyampaikan kepada pihak lain. Hal ini untuk mengelakkan kesalahfahaman tentang dakwah yang disampaikan serta untuk mengelakkan berlakunya ajaran sesat. Pendakwah dikenali sebagai (*dai*) manakala orang yang di dakwah pula dikenali sebagai (*mad^cu*). Sebelum menyampaikan dakwah, para *dai* perlu memperhatikan keadaan persekitaran sekeliling masyarakat tersebut untuk memudahkan aktiviti menyampaikan dakwah, agar sebarang gangguan yang tidak diinginkan tidak berlaku. Dalam kajian ini, penulis telah menemui beberapa bentuk implementasi dakwah yang sesuai dilaksanakan terhadap etnik Sungai di Sabah.

Pendekatan dakwah yang boleh digunakan untuk berdakwah kepada etnik Sungai ialah pendekatan *al-hikmah*. Menurut Abdurrahman (1996), implementasi dakwah ini telah diaplikasikan oleh Rasulullah SAW terhadap umatnya dan berjaya mengubah pemikiran

masyarakat yang salah faham tentang Islam. Pendekatan hikmah juga didefinisikan sebagai percakapan yang sedikit tetapi memberi maksud yang dalam kepada penerima dakwah. Jelaslah bahawa, pendekatan ini boleh digunakan untuk berdakwah kepada etnik Sungai yang sebahagian daripada mereka masih mempercayai atau melakukan amalan atau ajaran yang bertentangan dengan Islam. Sebagai contoh, terdapat lagi etnik Sungai yang membuat perjanjian dengan buaya (*gegejanji gunai boya*) berdasarkan kepada kisah dahulu (Berita Harian, 2015). Dengan itu, pendekatan dakwah kepada masyarakat Sungai hendak dilakukan mengikut keperluan dan berhikmah dengan memberikan justifikasi serta buah fikiran yang relevan dengan tindakan tersebut menurut perspektif Islam.

Selain itu, implementasi dakwah *Fardiyyah* turut sesuai untuk diaplikasikan terhadap etnik Sungai di Sabah. Dakwah *Fardiyyah* ialah dakwah yang disampaikan secara individu atau berkumpulan. Pendekatan ini sebenarnya memudahkan para *dai* untuk memimpin *mad'u* semasa dakwah disampaikan. Pendekatan dakwah *Fardiyyah* secara langsung dapat memberi kefahaman tentang dakwah yang disampaikan. Sekiranya para *mad'u* tidak memahami apa yang disampaikan oleh para *dai* mereka boleh bertanya secara langsung. Dengan ini, kita dapat membina lagi hubungan silahturahim antara satu sama lain. Implementasi dakwah *Fardiyyah* juga boleh diaplikasi menerusi pendekatan *mujadalah* terhadap etnik Sungai di Sabah. Menurut Yunus & Don (2011) *mujadalah* ialah perbincangan dengan seseorang atau pihak lain mengenai sesuatu perkara dengan mengemukakan pendapat masing-masing sama ada menentang atau menyokong berdasarkan dalil hingga dapat diterima masyarakat. Konsep *mujadalah* yang baik akan memudahkan mesej yang ingin disampaikan dan diterima baik oleh golongan *mad'u*.

Menurut Tong, A. T. (2021) masyarakat Sungai terutamanya daripada golongan yang berumur 50 tahun dan ke atas masih berkeras dengan amalan mereka walaupun sudah berkali-kali dinasihatkan. Hal ini berlaku kerana, pendakwah kurang menggunakan pendekatan *mujadalah* atau kurang mengenali adat dan tradisi kaum Sungai. Menurut Yunus & Don (2011) pendekatan *mujadalah* dapat menggerakkan hati masyarakat Sungai untuk meninggalkan sebarang amalan atau kepercayaan mereka seperti amalan menyembelih ayam hitam ketika kedua mempelai melangkah kaki masuk ke dalam rumah selepas diijabkabulkan. Dalam hal ini, pendakwah haruslah memberikan dalil dengan yakin dan jelas supaya mereka tidak keliru dengan hujah yang dikemukakan dan membuka sesi soal jawab kepada mereka jika terdapat sebarang kecurigaan dengan apa yang dilakukan dan menentang sekeras mungkin amalan dan kepercayaan mereka yang bertentangan dengan Islam.

Pendekatan dakwah *Fardiyyah* kepada masyarakat Sungai turut dapat dilaksanakan menerusi metode *al-Taaruf* iaitu saling berkenalan antara budaya dan membantu untuk mengurangkan titik perbezaan (Thia, K., 2021). Hal ini kerana, masyarakat Sungai juga terbahagi kepada beberapa jenis kaum dan masing-masing mempunyai amalan dan kepercayaan yang berbeza. Dengan itu, menggunakan pendekatan *al-Taaruf* dapat mendekatkan dakwah kepada masyarakat Sungai dengan mengadakan dialog secara harmoni, saling berpesan dalam perkara kebaikan dan memberi peringatan dan pencerahan terhadap kekeliruan agama dalam kalangan mereka. Dakwah yang melibatkan antara budaya perlu dilakukan dengan penuh hikmah dan perlu menjaga perasaan serta mewujudkan suasana harmoni (Amit, A. N., 2021).

Kaedah dakwah *bi al-Lisan* juga termasuk salah satu medium yang sering digunakan oleh pendakwah untuk mempengaruhi sasaran faham akan mesej yang disampaikan (Zaydan, 2000) dan ia sesuai diaplikasikan dalam dakwah terhadap etnik Sungai. Penggunaan bahasa perlu

dititikberatkan dalam kalangan pendakwah kerana takut menimbulkan salah faham dalam penggunaan perkataan yang sama belum tentu membawa maksud yang sama dalam kalangan masyarakat yang berbeza budaya. Kesalahan dalam menggunakan perkataan menyebabkan dakwah yang dijalankan kurang berkesan. Pendakwah perlu mempelajari bahasa sesuatu etnik apabila ingin berdakwah di luar negeri atau daerah terlebih dahulu. Hal ini kerana masyarakat Sungai terutamanya golongan warga emas kurang memahami bahasa Melayu kerana mereka kebanyakannya berkomunikasi dalam dialek tersendiri atau menggunakan bahasa Sungai ketika berkomunikasi. Seorang pendakwah perlu menyampaikan dakwah dengan lemah-lembut agar dapat menyentuh jiwa sasaran tanpa menyinggung perasaan pendengar (Mokhtar, S. et. all., 2021d). Penggunaan pendekatan *Qawlan maysura* dalam implementasi dakwah etnik Sungai mudah diterima dan sesuai untuk etnik Sungai. Hal ini kerana, terdapat segelintir masyarakat Sungai yang lebih bersikap terbuka dalam hal keagamaan disebabkan oleh tahap pendidikan mereka yang tinggi serta kesesuaian penggunaan bahasa dan pertuturan dalam menyampaikan dakwah terhadap mereka.

Menurut Zaydan (2000), pendakwah juga terkenal sebagai kaunselor dapat mendekati masyarakat Sungai dengan dakwah. Hal ini kerana pendakwah yang mempunyai pengetahuan yang menakutkan dan berkarisma dapat mendekati kumpulan sasaran dakwah bagi memudahkan pemahaman dan keyakinan ke arah Islam yang sebenar. Kelebihan pendakwah sebagai kaunselor ialah membimbing generasi muda kerana mereka dapat mengurangkan amalan dan ritual kepercayaan yang bercanggah dengan ajaran Islam daripada berlaku secara berterusan. Pendakwah juga perlu terlibat dengan golongan muda untuk menyalurkan ilmu pengetahuan tentang perkara-perkara yang haram dilakukan agar mereka dapat menyampaikan mesej tersebut kepada ibu-bapa atau datuk nenek yang dilihat masih mempercayai amalan karut dan khurafat. Selain daripada generasi muda, pendakwah sebagai kaunselor turut menyumbang kebaikan kepada masyarakat Sungai, kerana pendakwah perlu berinteraksi kepada semua lapisan masyarakat supaya tidak terlalu cepat untuk mengeluarkan hukum atas sesuatu perkara dan perlu mempelajari latar belakang suatu budaya dan mampu memberikan penyelesaian dalam setiap pertanyaan dan permasalahan (Zaydan, 2000).

Selain itu, implementasi dakwah *Am* atau *Ammah* pula yang disampaikan oleh imam atau *dai* yang berilmu tinggi tentang agama Islam turut sesuai bagi etnik Sungai di Sabah. Dakwah *Ammah* biasanya disampaikan kepada masyarakat sekitar, di tempat awam seperti di masjid, surau, dewan dan sebagainya. Namun begitu Dakwah *Ammah* ini sebenarnya tidak menetapkan tempat tertentu, ia bergantung dengan keadaan sekeliling masyarakat dan ia juga boleh dilakukan di padang atau dalam rumah sendiri. Dakwah *Ammah* ini lebih menceritakan tentang Allah SWT, Rasul dan nabinya secara sehalal dan melibat jumlah pendengar yang ramai. Begitu juga dengan dakwah *bil Hal*, dakwah ini adalah perbuatan atau amal budaya yang dilakukan oleh *dai* dan diikuti oleh *mad'u*. Sebagai contoh, *dai* menunjukkan amali solat iaitu cara-cara untuk menunaikan ibadat solat dengan betul, sesudah *dai* menunjukkan caranya, maka disusuli *mad'u* untuk mempraktikkan yang diajar oleh *dai*. Justeru, *mad'u* dapat melatih diri mereka untuk mendalami lagi ajaran yang disampaikan kepadanya berpandukan dakwah *bi al-hal* tersebut.

Implementasi dakwah terakhir yang dapat digunakan kepada etnik Sungai ialah dakwah *bit tadwin*. Dakwah ini berbentuk tulisan sama ada tulisan tangan atau elektronik. Melalui dakwah ini, etnik Sungai dapat mempelajari sendiri tentang agama Islam dalam Tafsir al-Quran, al-hadis dan buku-buku agama. Dakwah *bit tawin* ini boleh juga diakses menerusi internet atau

dewasa ini populer dengan istilah “alam maya”. Melalui implementasi dakwah ini, etnik Sungai juga dapat mendalami lagi agama Islam dengan cepat dan pantas serta dapat meninggalkan teras adat dan budaya yang jelas bercanggah dengan kehendak Islam. Tuntasnya, melalui kaedah-kaedah implementasi yang dinyatakan tersebut dapat membantu etnik Sungai untuk mempelajari dan mendalami lagi agama Islam dalam diri mereka seterusnya disampaikan kepada etnik Sungai yang lain. Dengan itu saudara seislam dalam kalangan etnik Sungai akan terbina dan kukuh dan tidak mudah goyah dengan dakyah yang akan datang.

Penutup

Secara kesimpulannya, tidak dinafikan bahawa pada hari ini amalan dan kepercayaan masih lagi sebatik dalam kehidupan masyarakat khususnya dalam etnik Sungai di Sabah. Namun, ini bukanlah suatu perkara yang tidak dapat kita elakkan kerana terdapat rasionalnya kepercayaan tersebut masih diamalkan dalam kalangan mereka. Amalan dan tradisi yang dilakukan oleh etnik Sungai tersebut ada yang berkait rapat dengan ajaran Islam, ada sebahagiannya tidak bertentangan dengan ajaran Islam dan ada juga yang dianggap salah di sisi Islam. Sebagai seorang Muslim dan seorang pendakwah, peranan kita dalam memastikan amalan ini dapat diterapkan dengan ajaran-ajaran Islam adalah sangat besar. Kita perlulah memperbetulkan pegangan hidup masyarakat yang berada di sekeliling kita dengan ilmu-ilmu yang bermanfaat. Sememangnya kita tidak dapat mengubah etnik Sungai secara terus, namun kita boleh membawa perubahan kepada mereka secara perlahan-lahan dengan menerapkan ajaran Islam yang sebenar dalam kehidupan seharian lebih-lebih lagi dalam konteks adat dan amalan mereka pada hari ini. Kita berharap agar masyarakat yang masih kuat berpegang dengan adat tradisional dapat mengubah cara hidup mereka yang kurang tepat dengan ajaran Islam. Oleh yang demikian, para pengkaji berharap agar masyarakat etnik Sungai ini terus diberikan pendekatan dakwah dengan lebih berhemah agar nilai Islam mengatasi nilai pegangan nenek moyang mereka.

Rujukan

- Abdurrahman, A. K. S. (1996). *Metode dan Strategi Dakwah Islam*. Jakarta: Pustaka al-Kautsar.
- Amit, A. N. (2021). *Adat dan Ritual Etnik Sungai dalam Kehidupan*. Temu bual. 6 Januari 2021.
- Amit, J. (2021). *Landskap Kehidupan Etnik Sungai di Sabah*. Temu bual. 4 Januari 2021.
- Amit, S. (2021). *Adat dan Ritual Etnik Sungai dalam Kehidupan*. Temu bual. 5 Januari 2021.
- Bandan, A. H. (2006). *Cerita Tradisi Sabah Suku Kaum Sungai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Berita Harian. (2015). Orang Sungai buat Perjanjian dengan Buaya. (27 April 2015). <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/04/50094/orang-sungai-buat-perjanjian-dengan-buaya>. Tarikh Capaian: 16 September 2021.
- Borhan, A. H. (2015). Faktor Tarikan Dakwah Mohd Fadli Yusof dalam Pengislaman Masyarakat Non-Muslim di Pedalaman Pensiangan, Sabah. *Jurnal Usuluddin*. Vol. 42 (Julai–Disember 2015): 77-99.
- Hajimin, M. N. H. H., Muis, A. M. R. A., Mokhtar, S., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., & Hamid, J. A. (2021). Gerakan Dakwah dan Impaknya terhadap Peningkatan Komposisi Muslim di Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*. Volume 6 Issue 23 (April 2021) 125-139.
- Hamzah, R. K. (2001). *Berbudaya Positif: Teknik dan Strategi Membimbing Remaja*. Batu Caves: PTS Publications.

- Hassan, S. A. (2021). *Landskap Kehidupan Etnik Sungai di Sabah*. Temu bual. 7 Januari 2021.
- Hussin, R., Sansalu, D. & Shah, J. M. (2012). *Orang Sungai*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB)
- Ilham. (2019). Implementasi Dakwah dalam Peningkatan Kesadaran Hukum. *Al-Tajdid*. Vol. I No.1 /March. 45-58
- JKKN Sabah. (2004). Adat resam dan budaya kaum Etnik Sungai di Kinabatangan adat perkahwinan. Di akses pada 18 September 2021 dari <https://pemetaanbudaya.my/cultre/disc414>
- Kamus Dewan. (2015). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lesmana P. L. A., Suryana, A. T., Suresman, E. 2015. *Implementasi Dakwah Islam melalui Seni Musik Islami. Tarbawy, Vol. 2, Nombor 1, (2015). 33-46.*
- Mohad, A. H., Mansur, K., & Mokhtar, R. A. M. (2016). Dakwah Islam di Sabah, Malaysia: Satu Eksplorasi Awal. *Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*, 1(2) August 2016. 151-166
- Mokhtar, S., Hajimin, M. N. H., Muis. A. M. R. A., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R. & Lukin, S. A. (2021d). Analisis Prinsip-Prinsip Komunikasi Islam dalam Kitab al-Quran. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*. Volume 6 Issue 23 (April 2021). 140-156.
- Mokhtar, S., Muda, N., Othman, I. W., & Esa, M. S. (2021b). Nilai Moral Dalam Sajak ‘*Ke Makam Bonda*’ Oleh Usman Awang: Satu Analisis Bahasa, Nilai Dan Struktur Serta Kaitannya Dengan Konsep Dakwah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (41),76-91.
- Mokhtar, S., Shah, M. K. M., Ramlie, H., Othman, I. W., Ationg, R., Esa, M. S. & Marinsah, S. A. (2021c). Rekeyasa Dakwah KBAT dalam Kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah Menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*. Volume 6 Issue 39 (May 2021). 178-193.
- Mokhtar, S., Thia, K. & Ramlie, H. (2019). Pendekatan Dakwah JHEAINS terhadap Banduan di Penjara Sandakan: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal al-Hikmah*. 11(2). 68-87.
- Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I. W., & Moharam, M. M. H. (2021a) Prospek Dan Cabaran Implementasi Dakwah Dalam Media Kontemporari: Satu Analisis. *Proceedings 5th International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD) 2021 (03 - 05 August 2021)*
- Saringan, R. (2007). *Perubahan dan Cabaran Adat Istiadat Perkahwinan Masyarakat Sungai: Kajian Kes di Kampung Penangah, Sabah*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Thia, K. (2021). *Landskap Kehidupan Etnik Sungai di Sabah*. Temu bual. 6 Januari 2021.
- Tong, A. T. (2021). *Adat dan Ritual Etnik Sungai dalam Kehidupan*. Temu bual. 5 Januari 2021.
- Tong, J. T. (2021). *Landskap Kehidupan Etnik Sungai di Sabah*. Temu bual. 7 Januari 2021.
- Tong, N. T. (2021). *Landskap Kehidupan Etnik Sungai di Sabah*. Temu bual. 8 Januari 2021.
- Yunus, A. R. M. & Don, A. G. (2011). Aktiviti Dakwah Pertubuhan Darul Islah (PERKID) Terhadap Para Pelatih. *Jurnal Al-Hikmah*. 1(33): 24-44.
- Zakaria, S. (2021). *Adat dan Ritual Etnik Sungai dalam Kehidupan*. Temu bual. 7 Januari 2021.
- Zaydan, A. K. (2000). *Usul al-Da'wah*, Beirut: Mua^cassasah al-Risalah.